

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN
BILANGAN 3 TAHUN 2023**

**GARIS PANDUAN PENETAPAN ZON PENAMPAN BAGI
PERMOHONAN/KELULUSAN TENEMEN MINERAL YANG BERSEMPADAN ATAU
BERDAMPINGAN DENGAN SEMPADAN KAWASAN HUTAN SIMPAN KEKAL
BERSTATUS HUTAN SIMPANAN HUTAN DARA (VJR)**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk makluman kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan dan Ketua Jabatan Agensi berkaitan bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke-02/2023 yang bersidang pada 08 Februari 2023 setelah menimbang Kertas MMK Bil. 02/2023/D5(128) berhubung dengan “Cadangan Garis Panduan Penetapan Zon Penampam Bagi Permohonan/Kelulusan Tenemen Mineral Yang Bersempadan Atau Berdampingan Dengan Sempadan Kawasan Hutan Simpan Kekal Berstatus Hutan Simpanan Hutan Dara (VJR)” telah membuat keputusan bersetuju meluluskan cadangan tersebut sebagaimana berikut:-

- i. Zon penampam bagi permohonan/kelulusan tenemen mineral yang bersempadan atau berdampingan dengan sempadan kawasan Hutan Simpan Kekal berstatus Hutan Simpanan Hutan Dara (VJR) adalah selebar 150 meter;
 - ii. Bagi mana-mana kawasan seperti sungai dan kawasan tanah tinggi, penetapan bagi zon penampam adalah sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam peruntukan Pekeliling Pembangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan Bil. 1/2020.
2. Pekeliling ini hendaklah berkuatkuasa serta-merta dan selaras dengan itu Pentadbir Tanah/Ketua Jabatan hendaklah mengambil tindakan sewajarnya selaras dengan pemakaian pekeling ini.



.....
DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL *D.P.S.K.(Kelantan), K.M.N.*
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA:

Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YM Tengku Kaya Perkasa Dato' Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
7. YABrs. Pengarah Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan
8. YABrs. Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan
9. YABrs. Pengarah Jabatan Mineral Dan Geosains Negeri Kelantan
10. YABrs. Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan
11. YABrs. Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Kelantan
12. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3 KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU
KELANTAN
NO. FAIL : PTG.KN.1/2/31 JLD.2
BERTARIKH : 07 SYAABAN 1444H
28 FEBRUARI 2023